

## **MUAFIK DAN MASBUK: SATU ANALISIS FIQH DAN MAQASID AS SHARIAH**

Ahmad Thariki Bin Nawi  
Calon Sarjana Syariah Pengurusan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
abekie7783@gmail.com

Zainuddin Bin Che Seman  
Jabatan Syariah & Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

### **Abstrak**

*Solat berjamaah adalah lebih baik daripada solat bersendirian. Dalam Mazhab As Syafie, solat berjamaah adalah Sunat Muakkad. Walaubagaimanapun, penting bagi setiap umat Islam memahami dan mengenalpasti hukum yang berkaitan dengan solat berjamaah khususnya masalah masbuk dan muafik. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis dari sudut Fiqh dan Maqasid As Syariah dalam hukum masbuk dan muafik. Untuk mencapai matlamat tersebut, penyelidikan yang dijalankan ialah dengan mengkaji dan meneliti kitab-kitab yang berkaitan dengan solat berjamaah yang membincangkan masalah masbuk dan muafik. Di samping itu, kajian ini juga meneliti dalam aspek Maqasid As Syariah tentang masbuk dan muafik. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memperbetulkan kefahaman tentang masalah masbuk dan muafik ini dan menjelaskan kepentingannya dalam Maqasid As Syariah.*

### **1. Pendahuluan**

Umum umat islam mengetahui bahawa solat berjamaah adalah lebih baik daripada solat bersendirian. Sebagaimana hadith Rasulullah S.A.W yang menyatakan bahawa solat berjamaah adalah lebih dari solat bersendirian dengan 27 kali ganda. Walaupun sebahagian besar daripada umat Islam di Malaysia melakukan solat berjamaah untuk mendapatkan kelebihan tersebut, namun hanya segelintir sahaja umat Islam memahami dan mendalami hokum-hukum berkaitan dengan solat berjamaah khususnya masalah muafik dan masbuk. Salah faham tentang masalah muafik dan masbuk ini bukan sahaja menyebabkan seorang makmum tidak mendapati ganjaran 27 kali ganda, malah mungkin menyebabkan terbatal solat makmum. Kajian ini merupakan satu analisis Fiqh dan Maqasid As Shariah untuk memperbetulkan kefahaman dan amalan dalam solat berjamaah.

### **2. Pengertian Muafik**

Muafik ialah seorang makmum yang sempat berdiri bersama imamnya sekadar masa bacaan Surah Al Fatihah selepas takbiratul ihramnya. Apa yang dimaksudkan di sini adalah kadar berdiri makmum. Ini bermakna sekiranya dianggarkan bacaan Surah Al Fatihah orang pertengahan adalah seminit dan kadar berdiri makmum tersebut adalah seminit maka ia adalah muafik. Jika makmum itu tidak membaca apa-apa selepas takbiratul ihramnya tetapi cukup kadar berdirinya seminit maka ia juga dikira sebagai muafik. Maka, maksud muafik itu bukanlah jika makmum sempat membaca surah Al Fatihah atau tidak, tetapi maksud muafik apabila dapat berdiri dibelakang imam kadar masa bacaan surah Al Fatihah atau tidak. Jika sempat barulah dikira muafik.

#### **Contoh :**

1. Seorang makmum yang datang dan bertakbiratul ihram ketika imam memulai membaca surah Ad Dhuha (kadar surah ini lebih panjang daripada surah Al Fatihah).

Bermakna kadar berdiri makmum bersama imam melebihi kadar bacaan surah Al Fatihah, maka makmum ini adalah muafik

2. Seorang makmum yang bertakbiratul ihram sebaik sahaja imam bertakbiratul ihram dan makmum ini mendengar imam membaca surah al Fatihah dari awal hingga akhir, maka makmum ini adalah muafik
3. Seorang makmum yang bertakbiratul ihram sebaik sahaja imam bertakbiratul ihram dalam solat yang dibaca perlahan dan makmum itu sempat menghabiskan bacaan doa iftitah atau, surah al Fatihah, atau dapat menghabiskan bacaan kedua-duanya sekali, maka makmum ini adalah muafik.

### **3. Hukum Makmum Muafik**

1. Makmum muafik wajib membaca surah Al Fatihah sehingga selesai.
2. Makmum muafik dimaafkan ketinggalan daripada imam dengan 'tiga rukun yang panjang' untuk menghabiskan surah Al Fatihah jika berlaku masalah-masalah tertentu di dalam solat.
3. Tiga rukun yang panjang ialah Ruku', Sujud Pertama, Sujud Kedua, Duduk Tahiyat Akhir.
4. Tidak termasuk rukun yang panjang iaitu Iktidal dan Duduk Antara Dua Sujud.
5. Manakala Duduk Tahiyat Awal dan Duduk Istirohah juga tidak termasuk rukun yang panjang kerana kedua-duanya adalah sunat.

#### **Contoh :**

1. Seorang makmum yang muafik yang terlupa membaca Surah Al Fatihah pada rakaat pertama, maka apabila imam ruku', makmum wajib membaca dan menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah. Dalam keadaan ini tentulah makmum akan ketinggalan daripada imam. Sekiranya makmum sempat menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan ruku' sebelum imam berdiri untuk rakaat kedua, maka makmum dikira mendapatkannya rakaat tersebut. Sekiranya imam berdiri rakaat kedua sebelum makmum ruku' maka terbatal solat makmum kerana imam sudah masuk ke rukun yang keempat.
2. Seorang makmum yang muafik yang terlupa membaca Surah Al Fatihah pada rakaat kedua, maka apabila imam ruku', makmum wajib membaca dan menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah. Dalam keadaan ini tentulah makmum akan ketinggalan daripada imam. Sekiranya makmum sempat menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan ruku' ketika imam membaca tahiyat awal pada rakaat kedua, maka makmum dikira mendapatkan rakaat tersebut. Hal ini kerana, imam belum masuk ke rukun panjang yang keempat kerana duduk tahiyat awal itu bukan rukun yang panjang tetapi hanya sunat.

3. Seorang makmum yang muafik yang terlupa membaca Surah Al Fatihah pada rakaat keempat, maka apabila imam ruku', makmum wajib membaca dan menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah. Dalam keadaan ini tentulah makmum akan ketinggalan daripada imam. Sekiranya makmum sempat menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan ruku' sebelum imam duduk tahiyat akhir, maka makmum dikira mendapat rakaat tersebut. Sekiranya imam duduk tahiyat akhir sebelum makmum ruku' maka terbatal solat makmum kerana imam sudah masuk ke rukun yang panjang yang keempat.

#### **4. Masalah-Masalah Makmum Muafik**

##### **1. Masalah-masalah yang disepakati oleh ulama As Syafiiyyah**

###### **Masalah Pertama**

Seorang makmum muafik yang lambat bacaannya kerana kejadiannya. Maka apabila imam ruku', makmum muafik ini belum menghabiskan bacaan fatihahnya. Ulama bersepakat bahawa makmum muafik ini wajib menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang kerana menghabiskan Surah Al Fatihahnya. Makmum muafik ini dikira mendapat rakaat tersebut sekiranya sempat ruku' sebelum imam masuk ke rukun panjang yang keempat.

###### **Masalah Kedua**

Seorang makmum yang terlupa membaca Surah Al Fatihah sehingga imam ruku' sedangkan makmum belum ruku'. Maka Ulama bersepakat bahawa makmum muafik ini wajib menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang kerana menghabiskan Surah Al Fatihahnya. Makmum muafik ini dikira mendapati rakaat tersebut sekiranya sempat ruku' sebelum imam masuk ke rukun panjang yang keempat.

###### **Masalah Ketiga**

Seorang makmum yang syak adakah dia membaca Surah Al Fatihah atau tidak sehingga imam ruku' sedangkan makmum belum ruku'. Maka Ulama bersepakat bahawa makmum muafik ini wajib menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang kerana menghabiskan Surah Al Fatihahnya. Makmum muafik ini dikira mendapati rakaat tersebut sekiranya sempat ruku' sebelum imam masuk ke rukun panjang yang keempat.

###### **Masalah Keempat**

Seorang makmum yang syak adakah dia membaca Surah Al Fatihah atau tidak sehingga imam ruku' dan makmum juga ruku'. Maka Ulama bersepakat bahawa makmum muafik ini tidak boleh berdiri semula untuk membaca Surah Al Fatihah bahkan wajib mengikut perbuatan imam. Makmum muafik ini tidak dikira mendapat rakaat tersebut dan hendaklah menambah satu rakaat lagi selepas imam memberi salam kerana rakaatnya tadi tidak dikira.

###### **Masalah Kelima**

Seorang makmum yang terlupa membaca Surah Al Fatihah sehingga imam ruku' dan makmum juga ruku'. Maka Ulama bersepakat bahawa makmum muafik ini tidak boleh berdiri semula untuk membaca Surah Al Fatihah bahkan wajib mengikut perbuatan imam.

Makmum muafik ini tidak dikira mendapat rakaat tersebut dan hendaklah menambah satu rakaat lagi selepas imam memberi salam kerana rakaatnya tadi tidak dikira.

#### **Masalah Keenam**

Seorang makmum yang terlupa membaca Surah Al Fatihah atau syak sama ada membaca Surah Al Fatihah atau tidak. Tetapi makmum sudah ruku' sebelum imam ruku'. Maka Ulama bersepakat bahawa makmum muafik ini wajib kembali berdiri dan menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang kerana menghabiskan Surah Al Fatihahnya. Makmum muafik ini dikira mendapati rakaat tersebut sekiranya sempat ruku' sebelum imam masuk ke rukun panjang yang keempat.

#### **Masalah Ketujuh**

Seorang makmum yang sibuk membaca Doa Iftitah sehingga imam ruku' sedangkan makmum belum menghabiskan bacaan Surah Al Fatihahnya'. Maka Ulama bersepakat bahawa makmum muafik ini wajib menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang kerana menghabiskan Surah Al Fatihahnya. Makmum muafik ini dikira mendapat rakaat tersebut sekiranya sempat ruku' sebelum imam masuk ke rukun panjang yang keempat.

#### **Masalah Kelapan**

Seorang makmum yang bercadang membaca Surah Al Fatihah ketika imam berhenti seketika antara Surah Al Fatihah dan bacaan surah tertentu. Tetapi apabila imam selesai membaca Surah Al Fatihah, imam tidak berhenti seketika malah membaca surah yang pendek. Maka sudah tentu makmum tidak sempat menghabiskan bacaan Surah Al Fatihahnya sehingga imam ruku'. Maka Ulama bersepakat bahawa makmum muafik ini wajib menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang kerana menghabiskan Surah Al Fatihahnya. Makmum muafik ini dikira mendapat rakaat tersebut sekiranya sempat ruku' sebelum imam masuk ke rukun panjang yang keempat.

#### **Masalah Kesembilan**

Seorang makmum yang bercadang membaca Surah Al Fatihah ketika imam membaca surah tertentu. Tetapi apabila imam selesai membaca Surah Al Fatihah, membaca surah yang pendek. Maka sudah tentu makmum tidak sempat menghabiskan bacaan Surah Al Fatihahnya sehingga imam ruku'. Maka Ulama bersepakat bahawa makmum muafik ini wajib menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang kerana menghabiskan Surah Al Fatihahnya. Makmum muafik ini dikira mendapat rakaat tersebut sekiranya sempat ruku' sebelum imam masuk ke rukun panjang yang keempat.

Oleh itu, makmum yang mengetahui kedudukannya sebagai makmum yang muafik, tidaklah perlu tergesa-gesa menghabiskan bacaan surah Al Fatihah sehingga mengurangkan tadabbur dalam bacaan kerana ingin 'mengejar' imam. Ini kerana makmum tersebut tetap wajib menghabiskan surah Al Fatihah dan dimaafkan tiga rukun yang panjang. Dan makmum tidak boleh meninggalkan bacaan surah Al Fatihah kerana menyangka bacaan Al Fatihahnya ditanggung oleh imam.

## **2. Masalah-masalah yang khilaf oleh ulama Mutaakhirin As Syafiiyyah**

### **Masalah Pertama**

Seorang makmum muafik yang tertidur ketika duduk tahiyat awal dengan duduk yang tetap papan punggungnya kerana kedudukan ini tidak membatalkan wudhuknya dan tidurnya tidak membatalkan solatnya. Makmum masuk ini terus tertidur sehingga imam bangun ke rakaat yang ketiga. Apabila tersedar daripada tidurnya, makmum muafik ini mendapati imamnya hampir ruku' atau sedang ruku'.

1. Sheikh Ramli berpendapat makmum ini termasuk dalam hukum muafik dan makmum muafik ini wajib menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang kerana menghabiskan Surah Al Fatihahnya. Makmum muafik ini dikira mendapat rakaat tersebut sekiranya sempat ruku' sebelum imam masuk ke rukun panjang yang keempat.
2. Sheikh Ibnu Hajar berpendapat makmum ini termasuk dalam hukum masuk kerana makmum tidak sempat berdiri di belakang imam kadar bacaan Surah Al Fatihah. Makmum yang dikira masuk ini hendaklah membaca Surah Al Fatihah sekadar yang dapat dan wajib ruku' bersama imam. Jika makmum sempat tomakninah di dalam ruku' bersama imam, makmum tersebut dikira mendapat rakaat tersebut.

### **Masalah Kedua**

Makmum perempuan yang berada di sebalik tabir yang tidak dapat melihat imamnya. Pada rakaat kedua ketika sujud yang kedua, makmum perempuan mendengar imam bertakbir perpindahan dan makmum perempuan menyangka bahawa imam bertakbir untuk membaca tahiyat awal. Sedangkan imam terlupa membaca tahiyat dan terus berdiri untuk rakaat ketiga. Maka berlakulah ketika itu makmum perempuan duduk untuk membaca tahiyat awal dan imam beserta makmum lelaki berdiri membaca Surah Al Fatihah. Apabila imam bertakbir dan ruku' maka makmum lelaki pun bertakbir dan ruku'. Manakala makmum perempuan, apabila mendengar imam bertakbir, mereka berdiri dan membaca Surah Al Fatihah. Selepas itu barulah makmum perempuan sedar bahawa mereka tersalah.

1. Sheikh Ramli berpendapat makmum perempuan ini termasuk dalam hukum muafik dan makmum muafik ini wajib menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang kerana menghabiskan Surah Al Fatihahnya. Makmum muafik ini dikira mendapat rakaat tersebut sekiranya sempat ruku' sebelum imam masuk ke rukun panjang yang keempat.
2. Sheikh Ibnu Hajar berpendapat makmum ini termasuk dalam hukum masuk kerana makmum tidak sempat berdiri di belakang imam kadar bacaan Surah Al Fatihah. Makmum yang dikira masuk ini hendaklah membaca Surah Al Fatihah sekadar yang dapat dan wajib ruku' bersama imam. Jika makmum sempat tomakninah di dalam ruku' bersama imam, makmum tersebut dikira mendapat rakaat tersebut.

### **Masalah Ketiga**

Seorang makmum muafik yang membaca tahiyat awal bersama imamnya. Apabila imam berdiri untuk rakaat ketiga, makmum masih lagi membaca tahiyat awal. Apabila makmum bangun daripada tahiyat awal, di dapati imam hampir ruku' atau sedang ruku'.

1. Sheikh Ramli berpendapat makmum perempuan ini termasuk dalam hukum muafik dan makmum muafik ini wajib menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah dan

dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang kerana menghabiskan Surah Al Fatihahnya. Makmum muafik ini dikira mendapat rakaat tersebut sekiranya sempat ruku' sebelum imam masuk ke rukun panjang yang keempat.

2. Sheikh Ibnu Hajar berpendapat makmum ini tidak termasuk dalam hukum muafik dan tidak dimaafkan ketinggalan tiga rukun yang panjang kerana makmum ini dikira meninggalkan bacaan Surah Al Fatihahnya dengan sengaja apabila tetap menghabiskan bacaan tahiyyat awal walaupun imam sudah bangun. Jika makmum tidak sempat menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah sebelum imam turun sujud, makmum tersebut hendaklah berniat mufaraqah (berpisah daripada imam) dan meneruskan solat seorang diri. Jika tidak berniat mufaraqah, sembahyang makmum terbatal.

## 5. Pengertian Masbuk

Masbuk ialah seorang makmum yang tidak sempat berdiri bersama imamnya sekadar masa bacaan Surah Al Fatihah selepas takbiratul ihramnya. Apa yang dimaksudkan di sini adalah kadar berdiri makmum. Ini bermakna sekiranya dianggarkan bacaan Surah Al Fatihah orang pertengahan adalah seminit dan kadar berdiri makmum tersebut tidak cukup kadar seminit maka ia adalah masbuk. Dengan kata lain, makmum masbuk itu ialah makmum yang tidak sempat menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah. Maka, maksud masbuk itu bukanlah jika makmum sempat membaca surah Al Fatihah atau tidak, tetapi maksud masbuk apabila dapat berdiri dibelakang imam kadar masa bacaan surah Al Fatihah atau tidak. Jika tidak sempat barulah dikira masbuk.

### Contoh :

1. Seorang makmum yang datang dan bertakbiratul ihram ketika imam memulai membaca surah Al Kafirun (kadar surah ini lebih pendek daripada surah Al Fatihah). Bermakna kadar berdiri makmum bersama imam tidak mencukupi kadar bacaan surah Al Fatihah, maka makmum ini adalah masbuk.
2. Seorang makmum yang datang dan bertakbiratul ihram ketika imam berdiri. Tetapi sebaik sahaja makmum selesai takbiratul ihram, imam ruku' sedangkan makmum tidak sempat membaca walaupun satu ayat daripada Surah Al Fatihah, maka makmum ini adalah masbuk.
3. Seorang makmum yang datang dan bertakbiratul ihram ketika imam sedang ruku', maka makmum ini adalah masbuk.

## 6. Hukum Makmum Masbuk

1. Makmum masbuk tidak wajib menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah.
2. Bacaan Surah Al Fatihah makmum yang masbuk ditanggung oleh imam.
3. Untuk mendapat rakaat, makmum masbuk hendaklah mendapat tomakninah bersama imam di dalam ruku'. Tomakninah ialah kadar masa seketika ( kadar bacaan "*subhanallah*").

**Contoh :**

1. Apabila makmum masbuk bertakbiratul ihram dan mendapati imam ketika berdiri. Tetapi makmum tidak sempat menghabiskan Surah Al Fatihah dan imam ruku', maka makmum masbuk hendaklah terus ruku' dan meninggalkan baki ayat Surah Al Fatihah yang belum dibaca. Hal ini kerana bacaan Surah Al Fatihah makmum yang masbuk itu ditanggung oleh imam.
2. Apabila makmum masbuk bertakbiratul ihram dan mendapati imam ketika berdiri. Tetapi sebaik sahaja makmum selesai bertakbiratul ihram, imam ruku'. Sedangkan makmum tidak sempat membaca walau satu ayat daripada Surah Al Fatihah, maka makmum masbuk hendaklah terus ruku' tanpa membaca walau satu ayat dariada Surah Al Fatihah. Hal ini kerana bacaan Surah Al Fatihah makmum yang masbuk itu ditanggung oleh imam.
3. Seorang makmum masbuk yang datang dan bertakbiratul ihram ketika imam sedang ruku', maka makmum masbuk hendaklah terus ruku' tanpa sempat berdiri bersama imam dan tanpa sempat membaca walau satu ayat daripada Surah Al Fatihah. Hal ini kerana bacaan Surah Al Fatihah makmum yang masbuk itu ditanggung oleh imam.

## **7. Masalah-Masalah Makmum Masbuk**

### **Masalah Pertama**

Seorang makmum yang pada mulanya adalah makmum muafik. Tetapi dalam mengikut peraturan solat, makmum tersebut ketinggalan daripada imam. Apabila makmum berdiri untuk rakaat seterusnya, di dapati imam hampir ruku' atau sedang ruku'. Jika makmum sempat berdiri dan ruku' beserta tomakninah bersama imam, makmum dikira mendapat rakaat tersebut. kerana bacaan Surah Al Fatihah makmum yang masbuk itu ditanggung oleh imam.

### **Masalah Kedua**

Apabila seorang imam solat terlalu cepat, maka makmum ketinggalan dalam melakukan peraturan solat. Apabila makmum bangun, di dapati imam hampir ruku' atau sedang ruku'. Maka makmum hendaklah berdiri dan terus ruku' bersama imam tanpa membaca Surah Al atihah kerana bacaan Surah Al Fatihah makmum yang masbuk itu ditanggung oleh imam.

### **Masalah Ketiga**

Seorang makmum masbuk yang belum sempat menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah. Maka apabila imam ruku', makmum tersebut dan hendaklah turut ruku' dan meninggalkan bacaan Surah Al Fatihah. Jika makmum sempat ruku' beserta tomakninah bersama imam, makmum dikira mendapat rakaat tersebut. kerana bacaan Surah Al Fatihah makmum yang masbuk itu ditanggung oleh imam.

### **Masalah Keempat**

Seorang makmum masbuk yang tidak sempat ruku' bersama imamnya kerana menghabiskan bacaan Surah Al Fatihah. Maka rakaat tersebut tidak dikira mendapat rakaat bahkan makmum tersebut wajib menambah satu rakaat lagi apabila imam memberi salam.

## 8. Maqasid As Shariah

Teori Maqasid As Shariah berkenaan dengan matlamat, kehendak dan tujuan hukum-hukum yang disyariatkan. Antara ulamak yang menulis berkenaan dengan Maqasid As Shariah ialah Izzuddin bin Abdul Salam, Al Qarafi dan As Syatibi. Al Qadhi Iyadh mendefinisikan maqasid sebagai mengelakkan kemudaratan. Manakal Izzuddin bin Abdul Salam mengatakan syariat itu semuanya masalah sama ada menolak keburukan atau menarik kebaikan. Maka ulamak mutaakhirin mendefinisikan Maqasid As Shariah dengan maksud yang pelbagai. Namun difahami daripada itu, setiap pensyariatan itu mempunyai matlamat dan tujuan tertentu untuk kesejahteraan kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Ulamak usul juga membahagikan maqasid as Shariah in kepada 5 perkara :

1. Menjaga agama
2. Menjaga nyawa
3. Menjaga akal
4. Menjaga nasab
5. Menjaga harta

## 9. Maqasid As Shariah Pada Hukum Muafik dan Masbuk

Setiap muslim wajib menjaga solat kerana ia merupakan tiang agama, sedangkan menjaga agama itu merupakan Maqasid As Shariah. Maksud solat itu sendiri adalah untuk mengingati Allah, mencegah daripada melakukan perkara keji dan mungkar dan mendapati keredhaan Allah. Maka menjaga solat dan kesempurnaannya adalah sangat penting sama ada pada solat bersendirian atau solat berjamaah. Solat yang tidak sempurna bukan sahaja merosakkan solat tersebut bahkan solat tersebut tidak dapat mencapai maqasid pensyariatannya. Oleh itu, kajian tentang hukum muafik dan masbuk ini adalah untuk memastikan tercapai Maqasid As Shariah dalam pensyariatan solat berjamaah. Seorang makmum yang tidak memahami masalah muafik dan masbuk berkemungkinan solat yang dilakukan tidak cukup rakaat atau terlebih rakaatnya. Maka sudah tentu solat yang dilakukannya adalah tidak sempurna. Jadi hukum masbuk dan muafik ini adalah untuk mengelakkan kerosakan pada solat berjamaah dan menjamin kemaslahatan dalam solat berjamaah itu sendiri.

1. Solat yang tidak betul dan tidak sempurna sama ada pada perbuatan solat atau bacaan dalam solat tidak menjamin solat itu akan khusyuk. Rasulullah pernah mengingatkan menyuruh sahabat mengulangi solatnya kerana tidak betul dalam perlakuan shalatnya. Abu Hurairah meriwayatkan,

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ الْمَسْجِدَ فَدَخَلَ رَجُلٌ فَصَلَّى ثُمَّ جَاءَ فَسَلَّمَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَفَرَدَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ السَّلَامَ فَقَالَ ارْجِعْ فَصَلِّ فَإِنَّكَ لَمْ تُصَلِّ فَصَلَّى ثُمَّ جَاءَ فَسَلَّمَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ ارْجِعْ فَصَلِّ فَإِنَّكَ لَمْ تُصَلِّ ثَلَاثًا فَقَالَ وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ فَمَا أَحْسِنُ غَيْرُهُ فَعَلِمَنِي قَالَ إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلَاةِ فَكَبِّرْ ثُمَّ اقْرَأْ مَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ ثُمَّ ارْزُقْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا ثُمَّ ارْزُقْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ ارْزُقْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ افْعَلْ ذَلِكَ فِي صَلَاتِكَ كُلِّهَا

Bahwa Nabi masuk masjid kemudian masuk pula seseorang ke dalam masjid lalu ia shalat dan mengucapkan salam kepada beliau. Nabi saw menjawab salamnya dan bersabda, “Kembalilah dan shalatlah lagi, sebab kamu belum shalat.” Serta merta orang itu pun shalat lalu mengucapkan salam kepada Nabi saw dan beliau bersabda,



“Kembalilah dan shalatlah lagi, sebab kamu belum shalat,” tiga kali. Orang itu berkata, “Demi Dzat yang mengutusmu dengan kebenaran, aku tidak mampu melakukan lebih baik dari itu, maka ajarilah aku.” Beliau bersabda, “Apabila kamu hendak shalat beratkirlah lalu bacalah apa yang mudah bagimu dari Al-Qur’an (Al-Fatihah). Lalu ruku’lah sampai kamu benar-benar tenang dalam ruku’, kemudian bangkitlah sampai tegak berdiri, lalu sujudlah sampai tenang dalam sujud, kemudian bangunlah sampai kamu tenang dalam duduk, kemudian sujudlah sampai kamu tenang dalam sujud. Lakukan hal itu dalam semua shalatmu.”

Khusyu’ dalam shalat adalah sebuah ketundukan hati dalam dzikir dan konsentrasi hati untuk taat, maka ia menentukan maqasid shalat itu sendiri. Oleh karena itulah Allah memberi jaminan kebahagiaan bagi mu’min yang khusyu’ dalam shalatnya.

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ

“Sungguh beruntung orang-orang yang beriman. Yaitu orang-orang yang dalam shalatnya selalu khusyu’” (Al-Mu’minun:1-2).

Maka solat yang tidak betul dan sempurna, tidak akan dapat mencapai Maqasid solat itu iaitu mengingati Allah.

2. Solat yang tidak betul dan sempurna juga, sudah tentu tidak dapat membantu pelakunya daripada melakukan maksiat. Sedangkan antara maqasid solat itu adalah untuk mencegah diri dari melakukan kemungkaran. Sehingga jika melakukan solat berjamaah tetapi tidak sempurna solat dan ikutannya maka tidak sah solatnya dan solat itu tidak menjadi banteng baginya daripada melakukan kemungkaran. Allah S.W.T berfirman

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

“Dan dirikanlah shalat, sesungguhnya shalat itu mencegah perbuatan keji dan munkar” (Al-Ankabut:45).

3. Solat yang tidak betul dan sempurna itu, tidak akan mendapat ganjaran 27 kali ganda. Malah Imam Al Ghazali menyatakan bahawa orang yang melakukan solat berjamaah itu terbahagi kepada 3 bahagian iaitu :
  1. Mendapat 27 atau 25 ganjaran pahala iaitu orang yang mengikut perbuatan imamnya.
  2. Mendapat 1 ganjaran pahala seperti orang yang solat seorang diri iaitu orang yang menyamai imamnya dalam perbuatan solatnya.
  3. Tidak mendapat apa-apa ganjaran iaitu orang yang mendahului imamnya dalam perbuatan solatnya.

Dari Ibnu ‘Umar *radhiyallahu Ta’ala ‘anhuma*, Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَدَىِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

“Shalat berjamaah lebih afdhal daripada shalat sendirian sebanyak 27 kali darjat.”  
(H.R. Bukhari dan Muslim)

Dari Abu Hurairah *radhiyallahu ‘anhu*, Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

صَلَاةُ الرَّجُلِ فِي جَمَاعَةٍ تَضَعُ عَلَى صَلَاتِهِ فِي بَيْتِهِ وَفِي سُوقِهِ خَمْسًا وَعِشْرِينَ ضِعْفًا، وَذَلِكَ أَنَّهُ إِذَا تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ، ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الْمَسْجِدِ، لَا يُخْرِجُهُ إِلَّا الصَّلَاةُ، لَمْ يَخْطُ خَطْوَةً إِلَّا زُفِعَتْ لَهُ بِهَا دَرَجَةٌ، وَخُطَّتْ عَنْهُ بِهَا خَطِيئَةٌ، فَإِذَا صَلَّى لَمْ تَزَلِ الْمَلَائِكَةُ تُصَلِّي عَلَيْهِ مَا دَامَ فِي مُصَلَاةٍ، مَا لَمْ يُحَدِّثْ، تَقُولُ: اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِ، اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ، وَلَا يَزَالُ فِي صَلَاةٍ مَا انْتَهَرَ الصَّلَاةَ

“Sesungguhnya shalat seseorang secara berjamaah dilipatgandakan 25 kali ganda daripada dia shalat di rumahnya atau di pasarnya. Jika dia berwudhu, kemudian dia baguskan wudhunya, dan dia tidak ke masjid kecuali dia hendak shalat, maka dia tidak melangkah satu langkah kakinya kecuali diangkat darjatnya dan dihapuskan dosanya. Dan jika dia shalat maka para malaikat sentiasa mendoakannya selama dia masih tetap di tempat shalatnya dan tidak berhadas. Para malaikat berkata, “Ya Allah angkatlah derajatnya, rahmatilah dia,” dan dia sentiasa dalam keadaan shalat selama dia menunggu shalat berikutnya.” (H.R. Bukhari dan Muslim dan hadits ini lafadz Al-Bukhari)

4.Hikmah pada solat berjamaah itu mengajar kita mengikuti dan mentaati seorang ketua selagi mana niat, perbuatan dan kata-katanya mengikut syarak. Sebagaimana firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya : wahai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul dan ketua di kalangan kamu

## Penutup

Alhamdulillah kerana dapat menyiapkan penulisan yang ringkas ini. Semoga kajian ini dapat membantu memahami masalah-masalah berkaitan dengan masalah muafik dan masbuk kerana dalam solat berjamaah tidak akan terlepas daripada masalah-masalah ini. Berkemungkinan solat yang dilakukan bukan sahaja terbatal, bahkan tidak diterima oleh Allah. Demikian juga dengan memahami dan mendalaminya, maka Maqasid As Shariah pada pensyariatian solat berjamaah ini akan tercapai bagi setiap muslim yang mendirikan.

## **Rujukan**

Al Quran Karim

Hasan Ahmad, 2005, *Muafik dan Masbuk*, percetakan Jaafar Rawas, Kelantan

Yusof Zaki, 1982, Masalah Imam dan Makmum, Kota Bharu

Terjemahan Sheikh Hj Zakaria b Hj Ahmad Wan Besar, 2015, *Al Qaulu Tam Fi Masalatil Imam wal Makmum*, Pustaka Darussalam, Kedah

Syeikh Daud Al Fathani 2000, Terjemahan Abd Ghani, *Al Bahjah Mardhiyyah*

Ustaz Muhammad Uthman Al Muhammadi, 2001, Terjemahan *Fathul Muin*, 2001 Kota Bharu